

# Potensi ketum sebagai rawatan alternatif

Oleh PROF. MADYA DR. SAMIAH KHALIL

**D**IANGGARKAN pada masa ini terdapat lebih daripada 13,000 jenis tumbuhan di kawasan tropikal Malaysia yang berpotensi untuk dijadikan sebagai ubat-ubatan bagi menyembuhkan berbagai penyakit.

Ini menjadikan Malaysia berpotensi untuk membangunkan sumber alam anugerah tuhan dengan cara yang sebaiknya dan mengutamakan kemaslahatan yang lebih banyak.

Profesor Madya Dr. Marziah Mahmood dari Jabatan Biokimia dan Mikrobiologi Universiti Putra Malaysia (UPM) telah membuktikan secara saintifik khasiat spesies tumbuhan kumpulan kunyit dan jarum emas.

Namun kesulitan Prof. Dr. Mustafa Ali Mohamed dan para penyelidik beliau dari Jabatan Farmakologi Universiti Malaya (UM) ialah untuk melakukan kajian saintifik ke atas daun ketum (*mitragynine speciosa*) secara berterusan kerana kesukaran untuk mendapatkan daun ketum segar untuk digunakan dalam makmal ujikaji mereka.

Keluhan ini turut disuarakan oleh dua orang saintis dari Prince Songkla University Hatyai iaitu Prof. Dr. Somsimorn Chitrakan dan Prof. Madya Dr. Ekkasithi Kumarusittu, yang terpaksa bergantung kepada bentuk ekstrak dan serbuk ketum yang boleh memberikan kesan yang tidak tepat dalam ujikaji mereka yang menggunakan tikus.

Ternyata ketum mempunyai potensi untuk digunakan dalam rawatan tradisional dan alternatif selaras dengan langkah mana Kementerian Kesihatan memperluaskan jaringan program perubatan tradisional dan kontemporari (TCM) ke seluruh negara semenjak 2011.

Saintis di Pusat Racun Negara Universiti Sains Malaysia turut mengkaji tentang daun ketum. Menurut Presiden Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih), Datuk Yunus Pathi masih tiada lagi pihak yang membuat satu kajian khusus di Malaysia untuk mengkaji potensi daun ketum, terutamanya untuk tujuan perubatan alternatif.

Pembangunan dan penelidi-



DAUN ketum dikatakan mempunyai kelebihan dalam rawatan tradisional Melayu tetapi berbahaya jika disalahgunakan sehingga menyebabkan seseorang ketagih. - GAMBAR HIASAN

**Saintis di Pusat Racun Negara Universiti Sains Malaysia turut mengkaji tentang daun ketum. Menurut Presiden Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih), Datuk Yunus Pathi masih tiada lagi pihak yang membuat satu kajian khusus di Malaysia untuk mengkaji potensi daun ketum, terutamanya untuk tujuan perubatan alternatif.**

kan (R&D) yang sangat terhad tidak akan dapat membantu usa-

ha Malaysia untuk meningkatkan jumlah permohonan paten ke atas produk berdasarkan alam semula jadi. Hasil carian paten dalam laman web European Patent Office (Espacenet), World Intellectual Property Organization (WIPO), US Patent and Trademark Office (USPTO) dan Google Patent mendapati sangat sedikit paten berhubung dengan ubat atau produk berasaskan ketum.

Terdapat permintaan yang besar dalam kalangan penyelidik dan para usahawan niaga untuk memohon undang-undang ketum di Thailand membenarkan ketum ditanam terutama bagi tujuan penyelidikan dan perubatan.

Telah ada bukti kajian saintifik yang menunjukkan alkaloid mitragynine dalam ketum berpotensi untuk melawan ketagihan arak dan heroin. Kajian penulis dan rakan dari Universiti Utara Malaysia (UUM)

mendapati manfaat lain penggunaan ketum yang diwarisi dari generasi lama ialah sebagai ubat cirit-birit, darah tinggi, kencing manis, gout, kecacingan, membaiki peredaran darah, penenang dan memberi sumber kekuatan tenaga.

Malaysia sangat memerlukan usaha yang sistematik untuk menyelidik khasiat dan potensi ketum dan pemikiran yang terbuka daripada semua pihak yang bertanggungjawab sangat penting untuk menggunakan khazanah alam yang dianugerahkan Allah dengan cara yang sewajarnya.

**PENULIS** ialah Ketua Penyelidik "Kajian-Kajian Penyalahgunaan Daun Ketum di Kawasan Utara Semenanjung Malaysia dan Cadangan Penyelesaian", Pusat Pengajian Kerajaan, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antara Bangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM).